

■till ^Ti \_\_\_\_\_ j gijKWisl «1

HHBRI^^MW

ifsnTrsnisnfsli

310

|p^,l'ni!Liju^v-  
!%il<-J U©U0&

KANUNGAN

**JAWAPAN - JAWABAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**JAWAB Lisan YANG TIDAK BOLEH DIBALAS**

**DEWAN (SOALAN NO. 8 HINGGA 10)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 7 [RUJUK**

**PENYATA KASMI MARIAN (HANSARD)]**

**SIDEK  
CAW. PERUNDANGAN  
PARLIMEN MALAYSIA**

## SOALAN NG'o 8

PEMBESITAI^^^

PERTA1TCAAH: LISAN

DARIPAE'A: Y.E. TUAi I ABDULLAH SAHI Bill ABDUL KAMIB

TAEIKH: 26 OKTOBER 2010

### SOALAN:

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [ Kuala Langat ] minta MENTERI SUMBER MANIJSIA menyatakaii hasil maklumat daripada ILO berkenaan tabling renti kerja sentara dan bilakah ia akan dilaksanakan.**

PR-1233-L40959

### JAWAPAN:

**Tuan Yang di-Pertua,**

- 1. Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESQ) telah melantik peranding daripada Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) untuk menjalankan kajian mengenai kebolehlaksanaan pewujudan Tabung Bantuan Kehilangan Pekerjaan (*Relief Fund For Loss of Employment*). Hasil kajian tersebut telah mencadangkan supaya bantuan Tabung Bantuan Kehilangan Pekerjaan (TBKP) diperuntukkan untuk melindungi pekerja-pekerja yang telah diberhentikan kerja (*retrenched workers*).**
- 2. Hasil kajian ILO telah dibentang dan dibincangkan dalam beberapa siri**

perbincangan bersama pertubuhan majikan dan kesatuan sekerja bagi mendapatkan input dan maklum balas secara kolektif. Walau bagaimanapun, cadangan supaya Tabling tersebut melindungi semua pekerja yang diberhentikan kerja kurang dipersetujui oleh pertubuhan majikan.

3. Sehubungan itu, setelah mengkaji laporan kajian ILO serta pandangan yang telah dikemukakan oleh *stakeholders*, KSM telah mencadangkan supaya TBKP ditubuhkan sebagai satu langkah interim khusus untuk membantu pekerja-pekerja yang diberhentikan kerja berikutan penutupan syarikat (insolven) dan kegagalan pekerja untuk memperoleh faedah penamatan kerja sepertimana yang telah diperuntukkan di bawah Akta Kerja 1955. Penubuhan TBKP ini dianggap satu keperluan memandangkan ia selaras dengan matlamat Modal Bara Ekonomi (MBE) untuk memantapkan sistem jaringan keselamatan sosial negara. Di samping itu, Kerajaan juga telah memperuntukkan sebanyak RM 40 juta untuk menubuhkan Tabung ini di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK10).

4. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, pelaksanaan TBKP akan dijalankan dalam tempoh terdekat setelah beberapa pemerincian berhubung mekanisme pentadbiran TBKP ditentukan.

FEiiiBERff AKUAM PERTAMYAAM  
DEWAM RAKYAT, MAPJWSIA

iaAASPADA : DATA<sup>5</sup> PaAUA- ABU BAAAA E-MTAI-A

SLAfeAAAPWij]

pmTAMYAAA : LISAN

TAAiKH : miOAAuO



Dato' PacSulka Abu Balkar Bin Taib [Langkawi] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

- (a) apakah projek-projek yang sedang dan akan dilaksanakan di Langkawi; dan
- (b) sejauh manakah pemantauan dibuat terhadap semua projek yang sedang dilaksanakan di Langkawi dan agensi manakah yang bertanggungjawab untuk menyelenggara projek pelancongan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat, projek-projek Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) yang sedang dilaksanakan dalam tahun 2010 antara lainnya termasuklah Pembesaran Jalan Kuah ke Taman Berlian, Projek Pengindahan Sungai-sungai, Sistem Saliran dan Perparitan di Langkawi, Pembangunan Produk-produk Pelancongan Kilim Geoforest Park dan Telaga Tujuh, Pembangunan Taman Agro Teknologi MARDI, Pembinaan Pontoon Baru di Jeti Teluk Bujur, Pulau Tuba, Membaik pulih dan Menaik taraf Jalan-jalan Kampung, Pembinaan Bangunan Auditorium, Kompleks

Kota Mahsuri dan Kerja-kerja Menaik taraf Air Hangat Village. Anggaran kos bagi kesemua projek-projek tersebut adalah sebanyak RM34.1 juta.

Projek-projek yang telah dipohon peruntukan untuk dilaksanakan dalam RMK-10 bagi tempoh 2011 hingga 2012 termasuklah Projek Pembinaan Jalan Kuala Temoyong ke Teluk Baru dan Pantai Tengah, Pembinaan Jalan Nyior Cabang ke Padang Saga, Pembangunan Produk-produk Geopark dan Menaiktaraf Produk Pelancongan, Pembangunan Kemudahan Pulau Tuba, Pembinaan Benteng Pemecah Ombak dan Projek Sistem Saliran, Perparitan dan Pengindahan Sungai-sungai. Anggaran kos bagi kesemua projek-projek yang dipohon adalah sebanyak RM129.3 juta. Projek-projek di atas hanya dapat dilaksanakan sekiranya diluluskan dibawah RMK10 kelak.

- (b) Untuk makluman Yang Berhormat, pemantauan projek-projek pembangunan telah dilakukan secara berjadual dan berkala. Mesyuarat tapak diadakan pada setiap bulan, mesyuarat teknikal diadakan jika terdapat masalah teknikal yang perlu diselesaikan segera di samping lawatan tapak dari semasa ke semasa. Selain daripada pegawai-pegawai LADA sendiri, pegawai-pegawai daripada Kementerian Kewangan selaku agensi induk Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) juga turut melakukan pemantauan melalui mesyuarat pembangunan dan lawatan tapak. Namun demikian, terdapat beberapa projek yang masih lewat disiapkan disebabkan masalah prestasi kontraktor. Bagi projek-projek seperti ini LADA terpaksa merujuk kes-kes berkenaan kepada Kementerian Kewangan dan Jabatan Kerja Raya supaya tindakan susulan yang sewajarnya dapat diambil bagi menyelesaikan masalah yang berbangkit untuk memastikan projek tersebut dapat disiapkan dengan cepat.

Selain daripada LADA, terdapat agensi-agensi lain yang bertanggungjawab untuk menyelenggara projek-projek pelancongan di Langkawi seperti Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan (MPLbr), Jabfebn Pengairaiis dan Salir«ii i ejabat Pembangunan Negeri Kedah dan Jabatan Kerja Raya (JKR).

**SOALAN NO.**

**10 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN :**

## JAWAB LISAN

DARI PAD A : YB TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI

(BEBAS) (BAGAN SERAI)

TARIKH : 26 OKTOBER 2010 (SELASA)

SOALAN :

YB Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri (BEBAS) (Bagan Serai) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah fokus serta sasaran dalam Dasar Keluarga Negara.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Keluarga adalah sebuah institusi sosial dalam masyarakat yang memainkan peranan penting ke arah pembentukan sahsiah dan perilaku seseorang individu dan seterusnya dalam pembentukan masyarakat yang progresif dan dinamik. Justeru, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah mengambil inisiatif untuk menggubal Dasar Keluarga Negara dan Pelan Tindakan Keluarga Negara. Dasar dan pelan tindakan ini telah dimuktamadkan dan akan dikemukakan kepada Kerajaan untuk kelulusan sebelum akhirtahun 2010.

Dasar ini memperjuangkan konsep "**Kesejahteraan Keluarga**" tanpa mengira status, jantina dan umur bagi memastikan **pembangunan sosial** seimbang dengan pembangunan fizikal dan ekonomi. Tiga teras utama yang telah digariskan dalam Dasar Keluarga Negara adalah seperti berikut:

- i) meningkatkan komitmen dan penglibatan pelbagai pihak untuk mengutama dan

mengurusperdanakan kesejahteraan keluarga;

- ii) memastikan undang-undang, dasar, L.-rose-^'u r<guatkuasaan undang-undang dan peraturan mengutamakan kesejahteraan keluarga; dan
- iii) memastikan program dan perkhidmatan serta kemudahan mesra keluarga mudah diakses.

Tuan Yang di-Pertua,

Secara keseluruhannya, Dasar ini mensasarkan pelaksanaan langkah-langkah strategik bagi menangani isu-isu berikut:

- i) imbalan keluarga dan kerjaya (*work-life balance*),
- ii) perkhidmatan sokongan sosial yang mesra keluarga;
- iii) kesihatan reproduktif bagi membendung gejala sosial di kalangan remaja; dan
- iv) kestabilan dan keharmonian institusi keluarga.

**SOALAN NO.:**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** Y.B. DATUK DR TEKHEE @ TIKI ANAK  
LAFE (MAS GADING)

**TARIKH :** 26 OKTOBER 2010 (SELASA)



**SOALAN:**

**Y.B. DATUK DR TEKHEE @ TIKI ANAK LAKE (MAS GADING) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan apakah pendekatan yang sedang dan akan diambil bagi meningkatkan taraf sosioekonomi peniaga- peniaga kecil dan kontraktor kelas F yang sehingga kini masih bergantung kepada program dan projek-projek kecil Kerajaan.**

**JAWAPAN**  
**Tuan Yang Di-Pertua;**

Untuk maklumari Aiili Yang Berhormat, Kerajaan sememangnya sedar dan mengambil maklum mengenai kebergantungan oleh sebahagian besar kontraktor-kontraktor kelas F *dm* peniaga-peniaga kecil bahan binaan terhadap projek-projek Kerajaan. Sehubungan itu, Kementerian Kerja Raya melalui agensi-agensi di bawahnya seperti Pusat Khidmat Kontraktor (PKK), Bahagian Pembangunan Bumiputera (BPB) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) telah dan sedang melaksanakan pelbagai inisiatif bagi meningkatkan lagi taraf sosioekonomi mereka menerusi pendekatan-pendekatan seperti berikut:

- (a) Dasar pengagihan kerja kontraktor kelas A kepada kontraktor Kelas E dan F untuk turut sama terlibat dalam projek-projek besar Kerajaan bernilai RM10 juta ke atas;
- (b) Galakan dan inisiatif kepada kontraktor kelas F bagi meningkatkan kapasiti mereka ke kelas yang lebih tinggi, iaitu kelas E dan ke atas;
- (c) Program Padanan (*matchmaking*), iaitu menemukan peniaga kecil bahan binaan Bumiputera dengan kontraktor utama, termasuk kontraktor kelas F yang mendapat tawaran projek dari Kerajaan; dan
- (d) Program Trading Hab Bahan Binaan, bertujuan mewujudkan satu pusat rangkaian urns niaga bahan binaan kepada peniaga-peniaga kecil Bumiputera.

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Kementerian Kerja Raya juga sedang meneliti aspek-aspek penambahbaikan bagi pendaftaran

**kontraktor kelas F dan inisiatif-inisiatif lain untuk meningkatkan lagi kapasitas dan tahap kompetensi usahawan industri binaan di negara ini. Sehubungan itu, aspek penambahbaikan dan inisiatif-inisiatif baru tersebut akan diumumkan setelah kementerian ini mendapat kelulusan Jemaah Menteri.**

**Sekian, terima kasih.**



MESVILMEMT CCETESA, iPEMfSCIAE IXETim. PzMJMM KEIcHM  
IMS LAS

**PEMBERITAHUAN PEftTANYAAM**

*mmsm i^kyay Malaysia*

**PERTANYAAN**

DARIPADA

*usm*

: YB TUAN HAJI 1

AZAMUDDEN

BIN MD TAIB

*(mMJBm) i 2(\$*

TARTO-fl

©GCT©SEEt 2© 10

ScDAL/^

Minta **Merited** CCemajyam Lyao<sup>a</sup> ISaoidlar daoi WiBav®^ menyatakan dalam RMK-9 Kerajaan menyediakan 23 projek pembangunan di kawasan Baling yang rnelibatkan agensi-agensi antaranya seperti KEMAS, MARA, JHEOA dan KEPAs. Nyatakan sejauh mana projek- projek tersebut berjaya dijalankan setakat ini dan kalau gagal, kenapa. Serta nyatakan projek-projek yang berjaya dan projek-projek yang gagal.

*mwmm*

Tyara Yang dhFertya^

Kementerian telah melaksanakan pelbagai program pembangunan luar bandar termasuk program untuk meningkatkan liputan kemudahan infrastruktur asas fizikal, program pembangunan ekonomi dan sosial. Untuk itu, pihak Kementerian telah diperuntukkan sejumlah RM18.272 bilion dalam tempoh RMKe-9 bagi membiayai pelaksanaan program/ projek ini. Daripada jumlah

tersebut, peruntukan bagi kawasan Parlimen Baling di bawah RMKe-9 adalah sebanyak RM264.265 juta.

Daripada jumlah tersebut, Program Jalan Luar Bandar bagi kawasan Parlimen Baling menerima peruntukan sebanyak RM115.573 juta. Manakala Program Bekalan Air Luar Bandar pula menerima peruntukan sebanyak RM2 juta.

Sementara itu, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) dan Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), telah membelanjakan masing-masing sebanyak RM100,000 dan RM1.117 juta di kawasan Parlimen Baling sepanjang tempoh RMKe-9.

### **Tuan Yang di-Pertua,**

Melalui Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA), daerah Baling menerima peruntukan RMKe-9 sebanyak RM28.70 juta bagi pelbagai projek pembangunan. Di samping itu, melalui Majlis Amanah Rakyat (MARA) pula, daerah Baling menerima peruntukan RMKe-9 sebanyak RM116.775 juta.

Status kemajuan semasa bagi kesemua projek-projek pembangunan KKLW di dalam kawasan Parlimen Baling dalam RMKe-9 ini adalah sama ada; telah siap sepenuhnya, mendahului jadual atau mengikut jadual dan tiada yang menghadapi sebarang masalah pelaksanaan.

### **Toostiu Yaong do-IPcsrtua,**

Pelaljisran ferhadap usaha pembangiinan luar bandar yang niaiiijatkan penyediaart kemudahan infrastruk'tir asas seperfci jalan raya, bekalan nir berrdh dan p^mbanc>unaii ekonom! serta sosial ini akan terns djperringkatkan bckji mentartikan pendurjuk di kawairan luar bandar menikmati perfibangunan dan

kemudahan n tfrastrs ski;ir asas yang lebili selesa dan sempurtt. kalani ha! ini, usaha-usaha pentbanyunan luar bandar ini akan tams diberi fcumpuan dan perhatian oleh kerajaan di dalam R.MKe-10 dan RMKe~i 1 „

## SOALAN 13

### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISA N
DARIPADA	Y.B. DATO' HAJI ISMAIL BIN
TARIKH	HAJI ABD. MUTTALIB [MARAN] 26 OKTOBER 2010
SOALAN	MEMINTA MENTERI PELANCONGAN menyatakan:

Apakah langkah-langkah pembaikan yang dijalankan supaya jumlah pelancong yang datang ke Malaysia meningkat setiap tahun memandangkan kes-kes seperti tandas kotor, pelancong ditipu sebahagian pemandu teksi dan kawasan pelancongan yang tercemar masih banyak berlaku. Sementara itu, berapakah pula kes-kes pelanggaran undang-undang negara yang dilakukan oleh pelancong-pelancong asing dalam tempoh lima (5) tahun lepas.





J. . N

f isan YoJij dbPerhia,

Bays momaju 'Inn iT^ninnkatkan faiii Bmniah p^-on>;on;; .\!:';in<j  
(Many *ke* neaara kita, KfaTi arrival an Pel&ncorsg&h telah memperkenalkan beberapa acara peiancongan baru nebagai daya tasikan bam seperii *Malaysia International Shoe Festival*, *1 Malaysia Contemporary Ads Tourism*, *Fabulous Food 1 Malaysia*, Pesta Tarian Cuti-Cuti 1 Malaysia dan melaksanakan peSancongan reS dengan kerjasama Kereta Api Tanah Melayu Berhad (KTMB Berhad) bagi mempmmosikan daya tarikan yang terdapat di seluruSi negara terutama perkampungan homestay yang mudah dicapai meSalui jaringan perhubungan kereta api sedia ada. Malah, negara ksta juga felah dikenaSi dengan sifat peramah, **berbudi** bahasa dan mempunyai hospstaliti yang baik.

Bagi menggerakkan rakyaf Malaysia untuk bersama-sama mengekalkan keindahan dan kebersihan kawasan peiancongan, Kementerian telah melancarkan kempen '*1 Malaysia Green*, *1 Malaysia Clean*' pada 18 Julai 2010 dan kempen ins disiarkan secara berkala ds media massa iaitu di empat (4) saluran utama televisyen dan **sembilan** (9) saluran radio serta turut disiarkan melalui sepuluh (10) medium media cetak sebagai menggalakkan rakyat Malaysia untuk

bersama-sama menjaga keindahan dan kebersihan negara kita. Kementerian percaya bahawa kempen ini pasti berkesan jika mendapat kerjasama daripada Pihak Berkuasa Tempatan.

Dalam masa yang sama, Kementerian juga telah melancarkan kempen "*Think Tourism, Act Tourism*" di kalangan pekerja barisan hadapan seperti mereka yang bekerja di hotel, restoran, Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Kastam di-Raja Malaysia, Polis di-Raja Malaysia, pemandu pelancong, pengendali agensi pelancongan dan pengembaraan dan pemandu teksi supaya mereka sentiasa memberikan perkhidmatan yang profesional dan mesra- pelancong agar para pelancong merasa seronok bercuti di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, kes-kes pelanggaran undang-undang negara yang dilakukan oleh pelancong-pelancong asing adalah di luar bidang kuasa Kementerian Pelancongan. Walau bagaimanapun, berdasarkan rekod Kementerian ini sehingga 25 Oktober 2010, hanya terdapat satu kes pelanggaran undang-undang di bawah Akta

Imtnraaen YPP-PPP aaa Persfurai't-k^t>..Lurr.-iii iihPjray^ii I;?DO

iaitu penvaiahgunaan Pas Lawatari Sosiai di bawah Program

*Malaysia My Second Home* (PIM2 Pi).

PEMBERITAHUAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>Y.B TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU [ TELOK INTAN ]</b>
<b>TARIKH</b>	<b>26 Oktober 2010</b>
<b>SOALAN</b>	<b>Y.B. TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU [ TELOK INTAN ] minta PERDANA MENTERI menyatakan :</b>  <b>(a) adakah pentadbiran Parlimen kita mempunyai satu Jabatan Undang-undang dan Perundangan; dan</b>  <b>(b) jika perlu, nasihat undang-undang dari manakah Parlimen memperoleh nasihat itu.</b>

JAWAPAM: *YM BMW* SERB IUQHAMED ^ZRS AZfIZ  
P\_EMEMP1\_g^TM PERDAim jTiEMTERfi

Tuan Vang cli-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pentadbiran Parlimen Malaysia tidak mempunyai satu Jabatan Undang-undang yang khusus. Walau bagaimanapun, pentadbiran Parlimen Malaysia mempunyai seorang pegawai undang-undang dan juga satu Cawangan Pemndangan dan Prosiding yang diletakkan di bawah Bahagian Pengurusan Dewan, Parlimen Malaysia.

Sekiranya terdapat keperluan, pentadbiran Parlimen Malaysia akan mendapatkan nasihat undang-undang daripada Jabatan Peguam Negara selaku Penasihat Undang-undang kepada Kerajaan.

Walaupun bagaimanapun, ingin saya menarik perhatian Ahli Yang Berhormat bahawa institusi Parlimen (Parliament) itu sendiri adalah satu cabang legislatif yang bebas. Oleh itu, ia tidak terikat dengan nasihat dari mana-mana pihak.

Sekian, terima kasih.

No. SOALAN: 15

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA**

**Y.B. TUAN LIANG TECK  
MENG (SIMPANG RENGAM)**

**TARIKH**

**26 OKTOBER 2010 (SELASA)**

**SOALAN**

**Y.B. TUAN LIANG TECK MENG** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini tentang perbincangan antara badan-badan agama demi menyelesaikan masalah tukaragama.

**JAWAPAN: (YB Senator Tan Sri Koh Tsu Koon)**

Dalam masyarakat majmuk Malaysia, pertukaran agama oleh penganut, khasnya dari agama lain ke agama Islam atau antara agama-agama bukan Islam, memang telah lama berlaku, khasnya yang membabitkan perkahwinan campur. Walaupun kebanyakan kes berlangsung tanpa apa-apa perselisihan atau sengketa, tetapi terdapat juga kes-kes di mana perceraian telah menimbulkan masalah hak penjagaan anak, status agama anak, warisan harta dan sebagainya. Terdapat juga kes-kes tertentu di mana pertukaran agama tidak diketahui oleh anggota-anggota keluarga, yang menyebabkan timbulnya isu permasalahan adat istiadat agama yang patut diamalkan selepas kematian.

Kes-kes seumpama ini, walaupun bukan besar bilangannya, kadang-kala mencetuskan ketegangan serta emosi yang tinggi di kalangan anggota-anggota keluarga yang terlibat, menimbulkan perbezaan dan perselisihan pandangan yang

dibahaskan secara hangat dalam media massa. Ini sekaligus

mengakibatkan perasaan kurang senang. rnahupnn persepsi ketegangan yang dikatakan timbul di antara kalangan penganut-penganut agama yang berbeza.

Sehubungan ift!> psda bulan April 2009, Jemaah Menteri telah berbincang dast tercadang untuk mencari penyelesaian. Adalah didapati bahawa undang- undang dan peraturan-peratuan yang berkenaan perlu diperjelaskan dan dipindu cli rmana yang sesusi uniink mengelakkan kejadian yang kurang menyenangkan seberapa banyak yang boleh.

Beberapa perbincangan lanjut telah diadakan di peringkat Menteri dan di peringkat pegawai dari jabatan-jabatan yang berkenaan secara berkelompok, di mana ada antaranya yang melibatkan pakar-pakar undang-undang dan pemimpin-pemimpin agama. Melalui proses ini, telah muncul beberapa cadangan penyelesaian.

Memandangkan bahawa perkara-perkara yang ada perkaitan dengan agama Islam sememangnya di bawah bidang kuasa Raja-Raja Melayu, maka persetujuan dan perkenan Raja-Raja Melayu adalah wajib. Proses untuk memohon nasihat dan pandangan Raja-Raja Melayu sedang dilaksanakan oleh YB Menteri dalam Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab atas Hal Ehwal Agama Islam. Pada masa yang sama, Jabatan Perdana Menteri melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) telah dan sedang berhubung dengan pihak pemimpin bagi agama-agama yang lain.

Adalah diharapkan bahawa melalui proses perundingan ini, saiu persefahaman dan penyelesaian isu-isu berkaitan dengan pertukaran agama



dapat dicapai demi memupuk keharmonian di kalangan penganut-penganut agama di negara ini.

PEMERITAHUAINI PIPTAAYAAM *DEWAH*  
#IMCYAT

PERTAMYAAN

JAWAB U8AM

D AIRS PAD  
A

DATCY HAAS AB. HALIFII (SIM AB.  
aabrmy *ipmBmLMi* cyiepai

YAPMli

26 OATOBEP 2019 (SELASA)

SOALAfA

DathA H@|S Afe. Halim fem Afo. Rafiwmasi |P©-BUf)kalan Cfo@p®2  
sninta MEMTEIRS PENERANQAW, IC06iUN8ICASS DAN  
CCEBUDAYAAAS menyatakan adakah sudah wujud satu garis panduan  
yang jelas (termasuk ikSan-iklart) berkaitan sambutan hari perayaan  
agama seperti  
Aidilfitri-i bag-i menjamin kesucian Islam dan tidak disala-fiertikan.

JAWAPAM:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melalui jabatan-jabatan di bawahnya seperti RTSVi, SKMM,  
-dan -FIMAS **sentiasa** -me-ma-nta-u ka-nd-un-gan **siaran** T¥ dan -radio  
termasuk iklan-iklan.

*RTM* telah mewujudkan 2 Jawatankuasa Penilaian Kandungan Rancan-  
ngan TV iaitu **Jawatankuasa** Peni-la-ian K-ualiti Rancan-nga-n TV yang  
dianggotai oleh pegawai RTM dan Jawatankuasa Penilaian dan  
Pemilihan **Rancangan** TV yang dianggotai oleh pegawai daripada FINAS,  
Filem Negara, JKKN, ASWARA dan RTM. Penilaian kandungan dan  
kualiti program dibuat berdasarka-n -Garis Panduan Siaran TV.



**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : LISAN  
**DARIPADA** : Y.B. TAN SRI DATO' SERI ONG KA TING  
(KULAI)  
**TARIKH** : 26.10.2010

**SOALAN:**

**Y.B. TAN SRI DATO' SERI ONG KA TING [ KULAI ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan samada semua guru termasuk Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT) akan dibayar gaji mengikut kelayakan dan bukannya kekosongan dalam usaha Kementerian untuk mensiswazahkan guru.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT) pula dilantik mengikut keperluan mengisi kekosongan jawatan bagi satu-satu masa. Pemberian elaun adalah berdasarkan kepada gred jawatah kosong yang diisi selaras dengan kehendak Surat Pekeliling Perkhidmatan Kementerian Pelajaran Malaysia Bilangan 1 Tahun 2007 berkenaan Syarat-syarat Pelantikan Serta Kemudahan-kemudahan Untuk Guru Sandaran.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah dan bukan siswazah dilantik berdasarkan syarat-syarat lantikan skim dan dibayar gaji mengikut kelayakan selaras dengan kehendak Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 berkenaan Pelaksanaan Sistem Saraan Malaysia Bagi Anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan.

Rjpn 37

**PEIMSEOTAHUAIN! I, YiAIAMYAAA D'EWAY iAAAYAT**

**PERYAYYAAM** : JAWAB USAY

AAAI BA : YUAY SALAHOODGA BIA BAA YYUB  
[YUBAYA YEAAAII

TABfiYH : AS OYYYBEY YAO (YE LAY A);

**8QALAM:**

*Tu&in* SaSaSiyddion fbiro Hap Ayub [ECufosmig Koriaoil] rninta  
MENTER! PENERAMGAM, KOSiUMIGCASI DAM KEBODAYAAM  
menyatakan adakah telah sampai masanya sejarah bermulanya  
perjuangan kemerdekaan disemak dan ditulis semula dan adakah  
benar dakwaan yang menyatakan terdapat banyak penyelewengan  
fakta khususnya dalam menulis sejarah sebenar kemerdekaan negara.

JAWAPAM:

Tuan Yang di-Pertua,

PenuSisan mengenai perjuangan sejarah kemerdekaan negara  
sentiasa disemak oleh ahii sejarah dan ahli akademik dari semasa ke  
semasa. Dakwaan mengenai penyelewengan fakta dalam penulisan  
sejarah perSu dilihat daripada perspektif siapa penulisnya dan sumber  
rujukan yang digunakan oleh penulis tersebut. Penulisan yang dibuat  
melalui Jabatan Arkib Negara Malaysia menggunakan sumber-sumber  
rasmi daripada bahan arkib yang tersimpan sebagai khazanah negara.  
Jabatan Arkib

**SOALAN NO: 18**

Negara Malaysia juga seringkali bekerjasama dengan Jabatan Sejarah

dari Institusi Pengajian Tinggi Awam yang lebih arif mengenai pengkajian sejarah bagi menjalankan projek penulisan buku mengenai sesuatu isu sejarah negara.

Selain itu, Kementerian ini juga menjalankan pelbagai program seperti Polemik Sejarah, Pengkisahan Sejarah dan Sejarah Lisan bagi melengkapkan kajian dan fakta mengenai sejarah negara dari sudut pandang rakyat kita yang melalui sendiri pengalaman tersebut.

JA»B *UBhM*

QARPAYA

DATY A ABIA Y YAARS

Payaa *BE. mm*

TAK&-3

26 YAYAYEA 2CH9 (YEA AYA)>

SO AL AM “

Datak AM. Rahman) Coobu Bakiri! pabsife Sfiroiam] minta HENTER1 *pmEMJmmm*, K©MU«mS0 DAM KEBUDAYAAM menyafakan apakah langkah Kerajaan bagi menggalakkan pengusaha filem dan drama tempatan untuk menerbitkan filem dan drama yang mampu dijadikan iandasati menyemai perpaduan kaum di negara ini dan mengangkat bahasa kebangsaan di samping menampilkan pelakon pelbagai bangsa demi menjayakan gagasao 1 Malaysia.

**JAWAFAM:**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melalui jabatan-jabatan di bawahnya sepesti RTM, 8KMM, FSNAS dan Filem Negara Malaysia sentiasa menggalakkan penerbitan rancangan yang bertujuan mengukuh perpaduan kaum dan memartabatkan Bahasa Kebangsaan demi menjayakan Qagasan 1 Malaysia.

Sebagai contoh, RTM telah memastikan jumlah jam siaran rancangan Bahasa Melayu di saluran TV1 melebihi 90 % daripada jumlah masa siaran dan di TV2 pula jumlah jam siarannya melebihi 50 %. Selain itu,

## **SOALAN NO: 19**

setiap rancangan bukan berbahasa Melayu perlu disediakan sarikata Bahasa Melayu dan RTM juga tidak membenarkan penggunaan bahasa rojak dalam setiap rancangan yang disiarkannya.

Bagi menggalakkan pengusaha filem tempatan untuk menerbitkan filem yang mampu dijadikan landasan menyemai perpaduan kaum di negara ini, mengangkat Bahasa Kebangsaan dan menjayakan Gagasan 1 Malaysia, Kementerian melalui FINAS telah melaksanakan beberapa langkah seperti mewujudkan dana-dana pinjaman sebagai modal pinjaman bagi membantu karyawan-karyawan filem tempatan untuk menerbitkan filem cereka tempatan, filem pendek, dokumentari dan animasi.



lr-

USAs'!

Dato' Seri Abdul Hadi Iain Awatig / Maraitg 3

2t? "YCTYAEA 201» (SELA8A)

Hm\mitmnm

beai^a kA^VAY

PEATAMAYAA :

DARI! PAD A

AAYPYA

SOALAN

PERDANA MENTERJ menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk melaksanakan Pelan Mitigasi (Mitigation Plan) sebagai satu elemen ptnting dalam pakej Pelan Rasionalisasi Subsidi Negara yang telah dilaksanakan.

JAWAPAM: (YB Senator Tan Sri Koh Tsu Koon)

Semasa mengkaji keadaan dan kedudukan ekonomi negara dalam proses penggubalan Model Baru Ekonomi (MBE), didapati bahawa tanggungan subsidi oleh Kerajaan di Malaysia adalah amat tinggi berbanding dengan negara-negara yang lebih maju dan juga yang kurang maju. Untuk menjamin kedudukan kewangan negara yang sihat untuk jangkamasa panjang, adalah dicadangkan supaya satu pelan rasionalisasi subsidi negara perlu digubal.

Oleh itu, pelan rasionalisasi subsidi termasuk pelan mitigasinya tidak dilaksanakan sepenuhnya seperti yang dicadangkan dalam Makmal Rasionalisai Subsidi. Sebaliknya, pihak Kerajaan masih terus meneliti dan mengambil kira keadaan sebenar mengenai tanggungan dan beban rakyat serta pandangan rakyat, di samping perlunya meletakkan pengurusan ekonomi dan kewangan kerajaan atas satu asas yang lebih kukuh.

Ramai rakyat bersetuju dengan cadangan rasionalisasi subsidi pada prinsipnya t eta pi berpendapat ia wajar dibuat dengan lebih perlahan dengan mengambil tempoh yang lebih panjang dan amaun kurangan subsidi yang lebih kecil, kecuali bagi gula yang mana ramai bersetuju subsidi gula wajar dihapuskan

sekali gus. Dengan maklum balas rakyat tersebut, Kerajaan telah melaksanakan tahap pertama rasionalisasi subsidi mulai 16 Julai 2010 dengan kadar pengurangan yang kecil, iaitu 5 sen seliter bagi petrol dan diesel dan 10 sen sekilogram bagi LPG. Sementara bagi gula, subsidi dikurangkan sebanyak 25 sen sekilogram.

No. SOALAN: 21

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARI PAD A**

**Y.B. TENGKU RAZALEIGH HAMZAH  
(GUA MUSANG)**

**TARIKH**

**26 OKTOBER 2010 (SELASA)**

**SOALAN**

**Y.B. TENGKU RAZALEIGH HAMZAH** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah beliau sedar perkauman semakin membara serta menjadi lebih buruk walaupun slogan 1 Malaysia telah dilancarkan. Apakah tindakan yang diambil untuk memastikan ia tidak terus mengancam kestabilan dan keharmonian antara kaum.

**JAWAPAN: (YB Senator Tan Sri Koh Tsu Koon)**

Walaupun negara Malaysia adalah jauh lebih aman berbanding dengan negara-negara majmuk yang lain, tetapi tidak dapat dinafikan bahawa perbezaan dari segi etnik, agama, budaya dan bahasa kadang-kala membawa kepada perbezaan pandangan yang mencetuskan perselisihan dan sengketa, yang selanjutnya menjejaskan keamanan, ketenteraman dan keharmonian masyarakat.

Beberapa kejadian pernah berlaku dalam sejarah negara kita sebelum dan selepas kemerdekaan, misalnya peristiwa Bintang Tiga selepas tamatnya Perang Dunia Kedua, rusuhan-rusuhan kaum yang pernah berlaku di Negeri Pulau Pinang pada tahun 1967, di Kuala Lumpur pada tahun 1969 dan di Kampung Medan, Selangor

pada tahun 2001 yang merupakan titik-titik hitam

dalam sejarah kita yang sememangnya patut dijadikan peringatan dan pengajaran kepada kita semua.

Sejak tahun 200(1 beberapa insiders dan isu telah juga muncul yang menimbulkan kebimbangan, kerisauan doit r^a tidak senang hati :>i kaum, seperti tindakan merobohkan kuil-kuil, serta kenyataan dan tingkahlaku yang berbau perkauman dari anggota-anggota politik yang tertentu, yang telah mencetuskan pelbagai bentuk reaksi dan demonstrasi, dengan munculnya pergerakan seperti HINDRAF. Perbincangan mengenai isu-isu kaum dan agama terus berlangsung sebelum dan selepas Pilihanraya Umum Ke-12 pada Mac 2008. Tambahan pula, kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) telah membolehkan dan mengakibatkan berifa dan cerita yang sensasi disebarikan secara meluas dan menimbulkan reaksi secara merebak.

Mengambil kira latarbelakang sejarah dan perkembangan kurang sihat sejak tahun 2006, YAB Dato' Sri Najib Tun Razak, sebaik sahaja dilantik menjadi Perdana Menteri pada bulan April 2009, telah dengan tegas, jelas dan giatnya memperkenalkan, melancar dan memacu Gagasan 1 Malaysia. Gagasan 1 Malaysia bertujuan untuk memupuk persefahaman dan perpaduan secara lebih jitu dan rapat, dengan sikap menerima dan menghormati kepelbagaian masyarakat Malaysia yang majmuk ini. Gagasan 1 Malaysia ialah juga mendorong supaya Rakyat Didahulukan dan Pencapaian Diutamakan untuk menyampaikan hasil yang positif dan konkrit kepada rakyat, melalui perkhidmatan awam yang lebih cekap dan cepat lagi.

Walaupun banyak isu dan cabaran yang timbul dahulu masih belum diselesaikan dengan sepenuhnya, tetapi usaha gigih YAB Dato' Sri dan sambutan rakyat yang kian meningkat telah menghasilkan satu suasana yang lebih positif berbanding dengan yang dahulu, yang dapat dibuktikan oleh beberapa petunjuk. Indeks Ketegangan Masyarakat atau *Societal Stress Index* (SSI) yang dibangunkan di atas inisiatif Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) telah meningkat dari 17 kes setiap sejuta penduduk pada tahun 2006 ke 20 dan 28 bagi tahun 2007 dan 2008. Akan tetapi ianya telah menurun ke 22 bagi tahun 2009 dan sekarang mencatat 25 bagi tiga sukutahun yang pertama bagi tahun 2010.

Di samping itu, kedudukan Malaysia mengikut *Global Peace Index* (GPI) yang dipantau oleh *Institute for Economics and Peace* setiap tahun telah meningkat dari tangga 37 pada tahun 2008 ke tangga 26 pada tahun 2009 dan seterusnya tangga 22 setakat bulan Oktober 2010. Persepsi dan rasa keyakinan para pelabur terhadap Malaysia telah juga meningkat, kerana kedudukan Malaysia dalam "*ranking*" untuk daya saing antara negara mengikut *Institute for Management Development* (IMD) telah meningkat dari tangga 19 dan 18 pada tahun 2008 dan 2009 ke tangga 10 pada tahun 2010.

Oleh itu, adalah kurang tepat dikatakan bahawa persepsi dan perasaan perkauman semakin membara dan menjadi lebih teruk walaupun atau selepas Gagasan 1 Malaysia telah dilancarkan. Di sebaliknya, Gagasan 1 Malaysia adalah bertujuan untuk meredakan suhu emosi dan membendung rasa ketegangan, melalui seruan terus memupuk keharmonian antara kaum. Di samping itu, usaha

telah dan sedang berlangsung untuk menangani beberapa isu antara ks. ini alau golongan yang rumit dan kompleks, yang telah lama berbahang sebelum 2009. Penyelesaian isu-isu ini sememangnya akan mengambil masa dan memerlukan sikap positif, pendekatan yang membina dan sumbangan efektif dari semua pihak, khasnya pemimpin-pemimpin politik dan masyarakat.

No: 22

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN TAN TEE BENG  
[ NIBONGTEBAL ]**

**TARIKH JAWAPAN : 26 OKTOBER 2010 (SELASA)**

**DI DEWAN RAKYAT**

**SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU, DAN AIR** menyatakan sama ada Kerajaan benar-benar serius dalam menggunakan teknologi hijau kerana negara masih ingin menggunakan batu arang dan bercadang untuk menggunakan nuklear sebagai kaedah penghasilan tenaga.

**JAWAPAN** Tuan Yang

Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan dalam merancang keperluan pembekalan elektrik negara menitikberatkan aspek *energy security*, dengan izin, dan faktor alam sekitar dalam menentukan dasar mempelbagaikan bahan api bagi penjanaan elektrik. Atas dasar inilah Kerajaan akan

mengambil langkah yang sewajar bagi mengoptimumkan penggunaan sumber-sumber penjanaan elektrik yang berpotensi di negara dan sumber-sumber yang diimpot seperti arang batu.

Sehubungan dengan ini, Kerajaan akan meningkatkan penggunaan tenaga boleh diperbaharu atau *renewable energy* (RE), dengan izin, yang dianggap sebagai mesra alam sebagai pelengkap kepada sumber fosil seperti arang batu dan gas dalam penjanaan elektrik. Mekanisme tertentu akan diperkenalkan bagi mengembang luaskan pembangunan sumber RE yang berpotensi di negara ini supaya ia akan menyumbang secara lebih signifikan kepada campuran penjanaan elektrik negara. Sungguhpun begitu, kita juga rui b haw ? ketidakpastian bekalan sumber RE serta kekangan teknologinya menghadkan penghasilan elektrik dalam kuantiti yang besar dan berterusan yang menyebabkan ia tidak mampu untuk memenuhi keperluan *baseload*, dengan izin. Oleh itu, keperluan *baseload*, dengan izin, perlu dipenuhi dengan pembangunan sumber-sumber lain yang bersesuaian seperti gas, arang batu dan sebagainya. Ekoran daripada kekangan pembekalan gas, penggunaan arang batu bagi penjanaan elektrik merupakan opsiyen yang bersesuaian untuk menampung keperluan tersebut. Namun begitu, Kerajaan akan memastikan penggunaannya tidak mengabaikan kesan terhadap alam sekitar di mana teknologi-teknologi yang mesra alam seperti *clean coal technology*, *supercritical technology*, dengan izin, dan sebagainya akan diguna pakai supaya kesan negatif terhadap alam sekitar dapat diminimumkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,



Kebergantungan yang berterusan kepada sumber fosil dikhuatiri akan menjejaskan kemampuan pembekalan elektrik pada masa hadapan yang mana memerlukan perancangan jangka panjang yang sewajarnya. Dalam hal ini, tenaga nuklear dilihat sebagai salah satu opsi penjanaan elektrik jangka panjang terutamanya untuk tempoh pasca 2020 bagi turut sama membantu memenuhi keperluan *baseload* tersebut serta menjamin keselamatan pembekalan elektrik. Di samping itu, penggunaan tenaga nuklear juga dapat membantu dalam mengurangkan pembebasan gas rumah hijau yang secara tidak langsung dapat menyumbang kepada penyelesaian isu pemanasan global. Walau bagaimanapun, Kerajaan masih belum membuat keputusan muktamad mengenai penggunaan tenaga nuklear bagi penjanaan elektrik di negara ini. Keputusan muktamad mengenainya akan dibuat setelah kajian-kajian bagi mengukur tahap kesiediaan dan kemampuan negara untuk menceburi bidang kuasa nuklear yang antaranya merangkumi aspek perundangan, sumber manusia, teknologi dan sebagainya siap dilaksanakan kelak.

\*\*\*\*\*

OiHWAN AAECYAf MALAYSIA  
PERTAMYAAM PJSAM  
PERTA1,5YAAH L1SA  
AAR'YAPA N  
DATUK ALEYAI-ir-ET' MANTA IJHOA!  
[ ppprr ]  
TAR1KH 28 OKTOBER 2010

SOALAN

**Datuk Alexander Manta Linggi [ Kapit ]** rninta **MENTERI SUMBER A8L1 DAW** ALAftli **SEKITAR** menyatakan bagaimana atau apa kaedah yang akan diguna pakai untuk mengendalikan survei tanah adat (NCR Land) di Sarawak di mana Negeri Sarawak yang telah mendapat bantuan kewangan sebanyak Ringgit Malaysia Dua Puluh Juta untuk tujuan tersebut dari Kerajaan Persekutuan barn-baru ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan telah pun memperuntukkan sebanyak RM20 juta bagi menyelesaikan isu pengukuran Tanah Adat NCR di Sarawak bagi tahun 2010. Pemberian peruntukan ini telah mendapat sambutan yang amat baik di kalangan rakyat Negeri Sarawak.

Bagi melaksanakan kerja-kerja pengukuran Tanah Adat NCR di Sarawak, Kerajaan Negeri Sarawak telah memutuskan supaya ia dilaksanakan sendiri oleh pegawai-pegawai Jabatan Tanah dan Survei Sarawak. Ini adalah kerana hanya Jabatan Tanah dan Survei Sarawak sahaja yang dapat menentukan sempadan-sempadan Tanah Adat NCR di Sarawak berdasarkan maklumat yang disimpan di Jabatan tersebut.



Pelaksanaan pengukuran ini akan dilaksanakan dalam 2 fasa. Fasa pertama adalah mengukur dan menggazet parameter kawasan Tanah Adat NCR serta penandaan sempadannya dengan *Provisional Lease*, *Licence for Planted Forest* dan *Timber License*. Fasa kedua pula melibatkan pengukuran bagi penyediaan hakmilik individu dan ia bergantung kepada persetujuan di antara penduduk-penduduk berkenaan berhubung persempadanan tanah masing-masing.

Sekian, terima kasih.

*m, MM : 23*

EmAUiP ;

*mimiBmmimnMi pertartaar mmjavar LMAH*  
DEWAR RARYAT

DARI PAD A PER TAM USAM  
YAA R  
TARSKH TAN SRI DATO<sup>5</sup> ABD-KHSAUD BDN IBRAHIM (BAMDAR  
TUN RAZAK)  
RUJURAW  
28 ORTOBER 2010  
3031

SOALAN:

Tan Sirs Daio<sup>3</sup> AbdL RhaSid bin Ibrahim (Bandar Tun Razalk) **minta** MEMTER1 DALAM NEGER1 menyatakan **akhbar tempatan** kerap menyiarkan **serbuan** terhadap pendatang asing yang **melibatkan** pasukan Ikafan **Re I a wan** Rakyat Malaysia atau RELA. Nyatakan perangkaan **terperinci serbuan** oleh RELA, SOP (Standing Procedures) yang diguna pakai dalam menjalankan serbuan **serta mekanisma**

**pemantauan supaya tiada penyalahgunaan kuasa.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Bandar Tun Razak yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, tidak dinafikan bahawa akhbar-akhbar tempatan kerap menyiarkan berita-berita operasi yang dilakukan oleh pihak RELA samaada berita itu untuk memaklumkan kepada umum bahawa adanya operasi yang dijalankan oleh pihak RELA dan pada masa yang sama kadangkala dimuat juga dengan berita-berita sensasi. Walaubagaimanapun berita-berita yang sensasi atau perilaku anggota RELA menyalahi peraturan semasa operasi dimuat dalam berita, tetapi tidaklah menjejaskan keseluruhan imej buruk RELA malah telah dapat menyedar dan menambahbaik kesilapan-kesilapan yang berlaku semasa operasi untuk diguna pakai bagi operasi-operasi seterusnya.

RELA memulakan Operasi PATI pada tahun 2005 apabila pindaan undang-undang telah dilakukan pada bulan Feb 2005 . Jumlah

[oskGrapcin Optti'a(?i PATE Of oeBnBi nngnra begf tahun 2005 tahun  
201 f) -BBOT1 s&Lanyak 177MM 2sB. Bagi tahun 2005 ;:e2anYB: '1,770  
*kc.il* tahe.En 2000 075 BOL  
trj'sLfti 200?' .xBuiyB-, 0,084 kop 22ton 700\*\* ;:oBanyak 4,02',; BBi ,  
fe7iiiiii 2007 oBiGnyok 2,003 kolf 7on br?fjs fa him 2010 ORhingga Bilan  
OeptornOer BBB oebai syak i 11 opened .

Untuk makluman Yang Berhormat clan Dewan Yang Mulia ini juga,  
pegawai-pegawaMRELA yang mengetuai operasi diberi tanggungjawab  
sepenuhnya untuk memaniau dan rnemastikan anggota-anggota  
RELA yang menyertai operasi mematuhi SOP yang dikeluarkan supaya  
tidak berlaku penyalahgunaan kuasa semasa operasi dan selepas  
operasi. RELA boleh melaksanakan operasi tan pa kehadiran agensi  
lain seperti JIM dan PDRM berpandukan SOP yang dikeluarkan oleh  
Ketua Pengarah RELA.



## SOALAN 25

### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN

DARIPADA

Y.B. DATUK IR. ONG TEE  
LISA KEAT  
N  
[PANDAN]

TARIKH

26 OKTOBER 2010

SOALAN

Meminta MENTERI PELANCONGAN

menyatakan:

Bilangan lawatan beliau ke seberang laut sejak menyandang jawatan ini. Berapakah jumlah perbelanjaan yang terbabit dan apa pula keberkesanan lawatan-lawatan yang dimaksudkan, baik dari segi kualitatifnya mahupun kuantitatifnya.

## JAWAPAN

Yuan Yanr; dhYertna

BiYaigan Sawaiao ka aeborang laut aejak menyfjhdaig jaa/atan Menteri Pelancongan adalah sebanyak 16 lawatan yang rnelibatkan 26 buah negara dan 61 buah bandar sehingga Oktober 2010. Manakala, jumlah perbelanjaan yang terbabif adalah sebanyak RM1.67 juta pada tahun 2003 dan RM1.58 juta dari tempoh Januari sehingga Oktober 2010.

Tuan Yang di-Pertua,

iVienurut laporan *United Nations of World Tourism Organization* (UNWTO), jumlah kedatangan pelancong seluruh dunia pada tahun 2009 telah mencatatkan pern u rum arm 4.2 peratus iaitu seramai 880 juta pelancong dengan jurmSah pendapatan bagi sektor pelancongan seluruh dunia turut meourun lkepada BJ perafus iaitu USD852 billion.

Pada tahun 2009, industri sektor pelancongan seluruh dunia menghadapi trend menurun. Oleh yang demikian, bagi menarik pelancong asing untuk terus datang ke Malaysia, kita perlu menjalankan promosi secara mampan.

Usaha tersebut telah meletakkan negara kita mencapai tempat ke-9 dalam “Senarai 10 Negara Yang Mencatat Pelancong Asing Tertinggi bagi Seluruh Dunia” pada tahun 2009 setelah Malaysia hanya disenaraikan tempat ke-11 pada tahun 2008. Ini merupakan suatu pencapaian yang membanggakan kerana hanya 2 negara daripada Asia sahaja yang telah berjaya mencatat rekod dalam senarai tersebut iaitu Malaysia dan China.

Negara kita mesti mengadakan promosi yang inovatif dan kreatif untuk menarik perhatian pelancong asing. Pelancong asing tidak akan melawat ke Malaysia tanpa sebarang maklumat atau informasi tentang tempat pelancongan dan keistimewaan di Malaysia. Misi

Galakan dan Lawatan atau *Sales Mission* merupakan strategi yang berkesan untuk mempromosi sektor pelancongan negara kerana ia diabikan melalui Lawatan Pameran atau Tinjauan Pameran bersama «?eigafi wakil dari agensi-agensi swasta seperti sektor hotel, agensi kargo, agensi perhubungan dan tawaran keftnggalan juga NGO serta individu yang terlibat dalam industri pelancongan. Melalui rntsi galakan dan lawatan berkenaan, kifa boleh berjumpa dengan pelbagai pihak media tempatan, persatuan berkenaan, serta pemimpin-pemimpin negara berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua,

Hasil daripada usaha yang telah dinyatakan, jumlah pelancong asing ke Malaysia telah meningkat sebanyak 2.2 peratus iaitu 16.18 juta orang pelancong asing bagi tempoh Januari hingga Ogos

2010 berbanding tempoh yang sama pada tahun 2009 iaitu seramai 15.38 juta orang pelancong asing. Salah pada tahun 2009, jumlah

pelancong asing ke Malaysia juga telah me filing Scat sebanyak 7.2 peratus iaitu 23.65 juta orang pelancong asing berbanding tempoh yang sama pada tahun 2008 iaitu seramai 22.05 juta orang pelancong asing. Dengan kedatangan pelancong asing seramai 23.65 juta orang pada tahun 2009, pendapatan negara juga turut meningkat sebanyak 7.7 peratus iaitu RM53.36 bilion berbanding RM49.56 bilion pada tahun 2008.

80ALAM MG;: M

JF[SjM]]S[cl TAjjjo\_IPERcfA[A!iYAAli^ KEWAM RAKYAT

PERTAmfAAM : LSSAEi

: TUm PO HQ HM  
I Bimr bintasy j

YAFI8KH : 26 OYYOBEIR 2016 (SELA8A)

SO ALAM :

Tyami Fomig Kyi Loo f[ BukSt Bintaog ] minta PERDAMA S1EMYERD menyatakan sebab-sebab sehingga sekarang butiran penuh MBE masih belum diumumkan secara rasmi lagi sedangkan tempoh DEB telah famat dan para pemimpin sering mewarwarkan MBE dan Agenda Transformasi Nasional

sedikit demi sedikit menyebabkan rakyat keliru. Apakah kerangka dasar SVIBE itu.

JAWAPAM:

Majlis Penasihat Ekonomi Negara telah memaklumkan bahawa butiran penuh MBE yang mengandungi kerangka langkah-langkah dasar terperinci masih dalam proses akhir **kajian** serta penggubalan. Hasil kajian tersebut akan diumumkan setelah ianya dimuktamadkan kelak, yang dijangkakan sebelum akhir tahun ini.

NO. AUM : 44

NO. AUP : *Hr*

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** DATUK SIRINGAN BIN GUBAT [ RANAU ]

**TARIKH :** 26 OKTOBER 2010

**RUJUKAN :** 3035

**SOALAN:**

**Datuk Siringan bin Gubat [ Ranau ] minta MENTERI DALAM NEGERI**

menyatakan sama ada Kementerian mempunyai perancangan untuk membina balai polis terutama di beberapa pusat utama di luar bandar seperti di Kampung Timbua dalam kawasan N.

29 Kundasang, Kampung Randagong kawasan N.30 Karanaan dan Kampung Paginatan kawasan N.31 Paginatan.  
JAWAPAN

Tuan Yang Ujias MJ&,

Asya menc/m^Aar, l.erimr.- la>r-,ih kenada Vanrj P“i la \*rrnaf Pidnau Pararrj P:PA araaaaanuP; AaPi pa baaaaajrt.

Kerrientei *van* ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat di atas keprihatinan perlunya diwujudkan balai-balai polis di kawasan luar bandar tersebut. Walaubagaimana pun, disebabkan peruntukan kewangan yang terbatas maka balai-balai seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tidak dimasukkan dalam perancangan Kementerian pada masa ini.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, tumpuan Kementerian pada ketika ini adalah untuk mencapai sasaran yang telah ditetapkan dalam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) iaitu untuk mengurangkan jenayah jalanan terutama di kawasan-kawasan ‘hot spot’. Oleh itu, pembinaan balai-balai di kawasan yang kurang kritikal dari segi keselamatan akan diberi pertimbangan apabila Kerajaan mempunyai peruntukan untuk melaksanakannya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT PERTANYAAN : Bagi Jawab Lisan**

**DARIPADA : DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR [TUMPAT]**

**TARIKH : 26 OKTOBER 2010(SELASA)**

**SOALAN : 28**

**Dato' Kamarudin Bin Jaffar [Tumpat] minta Menteri Pengangkutan menyatakan kenapakah kerja memanjangkan landasan Lapangan Terbang Pengkalan Chepa, Kelantan yang dijanjikan akan dimulakan pada Jun 2010 belum berlaku lagi. JAWAPAN Tuan Yang DiPertua,**

**Untuk makluman, dakwaan bahawa kerja-kerja menaiktaraf serta pemanjangan landasan Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan belum berlaku adalah tidak benar sama sekali. Kerja-kerja menaiktaraf serta pemanjangan landasan lapangan terbang tersebut telah pun bermula pada 14 Jun 2010. Peratus kemajuan projek ialah 29.62% (sebenar) berbanding 29.09% (jadual), dan dijadualkan siap pada penghujung tahun 2011.**

**Untuk makluman, Projek Menaik Taraf Lapangan Sultan Ismail Petra, Kota Bharu, Kelantan ini melibatkan beberapa komponen utama di dalam proses menaik taraf prasarana termasuk:**

- i. Pemanjangan Landasan Terbang dari 1,981m ke 2,400m dengan kelebaran 45m dari sebelah RWY 28;**
- ii. Penyediaan sebahagian Parallel Taxiway A bagi operasi pesawat Kod C termasuk Connecting Taxiways berkaitan;**
- iii. Penyediaan satu (1) Connecting Taxiway baru bagi operasi pesawat Kod C;**
- iv. Penyediaan graded strip berkaitan bagi Landasan terbang dan Landasan Taxiway bagi memenuhi keperluan A14 ICAO;**
- v. Penyusunan-semula kedudukan memakir sediada bagi operasi pesawat B-737-800 termasuk VDGS;**
- vi. Kawasan memakir Helikopter termasuk Connecting Taxiway;**
- vii. Kerja tanah & perparitan berkaitan;**



- viii. Jalan Perimeter & Keselamatan termasuk pondok keselamatan di kawasan bam;
- ix. Jaian masuk ke kawasan GA dan Heiikopter bam;
- x. Sistem Aeronautical Ground Lighting (AGL) bagi kawasan pemanjangan landasan dan taxiway baru termasuk lampu runway edge lights, lampu threshold & end lights, lampu taxiway (edge and lead-in/lead-out lights) dan kerja kabel dan elektrik berkaitan;
- xi. **Pengalihan lampu runway edge lights, taxiways edge light, apron edge lights dan signages mengikut keperluan;**
- xii. **Sistem Apron Flood Lightings bagi kawasan memakir Heiikopter baru;**
- xiii. **Pengalihan sistem lampu Simple Approach & PAPI di bahagian RWY 28;**
- xiv. **Pengalihan sistem Localizer (LLZ) bagi sistem Instrument Landing System (ILS) sediada di bahagian RWY 28;**
- xv. **Bangunan Meteorologikal baru di lokasi yang disediakan termasuk padang Meteorologikal;**
- xvi. **Pavement Markings bagi Landasan Terbang, taxiway dan kawasan memakir;**
- xvii. **Kerja-kerja pengalihan galangan di dalam dan di luar sempadan Lapangan Terbang sekiranya ada;**
- xviii. **Pelaksanaan kerja-kerja flight calibration tests bagi sistem AGL, PAPI, ILS, VOR & Approach Lights berdasarkan keperluan DCA.**

#### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY AIL  
R.SANTIAGO [ KLANG ]

TARIKH JAWAPAN : 26 OKTOBER 2010 (SELASA)  
DI DEWAN RAKYAT

#### SOALAN

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan jumlah pemotongan air yang telah dilakukan oleh SYABAS daripada tahun 2005 hingga



**membebankan pengguna dengan kos RM0.50 untuk tambah nilai kad Touch 'n Go bukan di lorong tol di atas alasan kos pentadbiran serta mengenakan RM10 bagi penukaran kad berumur 10 tahun. Nyatakan kutipannya bagi tahun 2008 hingga 2010.**

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua;**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, caj tambah nilai kad Touch 'n Go sebanyak RM0.50 itu bukanlah caj yang dikenakan oleh syarikat konsesi lebuhraya PLUS Expressway Berhad atau syarikat Touch 'n Go Sdn. Bhd., sebaliknya ia dikutip oleh pihak ketiga (*third party*) atau ejen yang dilantik oleh Touch 'n Go Sdn. Bhd. bagi kemudahan para pelanggan membuat transaksi menambah nilai kad berkenaan.**

**Caj RM0.50 ini hanya dikenakan apabila pengguna menggunakan kemudahan tambah nilai melalui mesin ATM bank (kecuali mesin ATM CIMB), atau melalui ejen-ejen runcit seperti stesen minyak, kedai serba guna dan sebagainya - bertujuan bagi menampung kos modal, operasi dan penyelenggaraan perkhidmatan tersebut. Walau bagaimanapun, para pengguna sebenarnya mempunyai pilihan untuk menambah nilai kad Touch 'n Go ini secara percuma atau tidak dikenakan sebarang bayaran, iaitu di hab-hab Touch 'n Go, lorong-lorong tambah nilai dan pusat khidmat jualan di plaza tol, di stesen Transit Aliran Ringan (LRT) atau Kaunter Khidmat Pelanggan di stesen Petronas terpilih. Sehingga kini, jumlah kaunter tambah nilai Touch 'n Go yang sedang beroperasi ialah sebanyak 4,254 buah terminal di mana 901 buah terminal beroperasi tanpa servis caj manakala selebihnya dikenakan servis caj. Jumlah kutipan caj tambahan RM0.50 yang dikutip oleh pihak ketiga (*thirdparty*) atau ejen yang dilantik oleh syarikat Touch 'n Go Sdn. Bhd. dari tahun**

**2008 sehingga September 2010 adalah sebanyak RM12.36 juta.**

**Untuk makluman Dewan Yang Mulia, sebagaimana kad-kad elektronik lain, kad Touch 'n Go juga tertakluk kepada faktor kelusuhan 'wear and tear', Sehubungan itu, kad Touch 'n Go yang telah digunakan melebihi tempoh 10 tahun akan menjadi tidak efektif dan boleh menjejaskan kelancaran transaksi pembayaran. Zs/ PM 10 y?-rig dikftnakan bagi penggantian kad baru Touch di Go itu adalah caj untuk menampung kos kad sahaja, sebagaimana caj yang dikenakan oleh pengendali kad-kad transaksi elektronik yang lain, seperti kad ATM dan sebagainya. Jumlah kos kutipan hasil yang telah dipungut oleh syarikat Touch 'n Go Sdn. Bhd. bagi penggantian kad Touch di Go yang telah tamat tempoh, sejak dari tahun 2008 sehingga kini ialah sebanyak RM477,380.**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, syarikat Touch 'n Go Sdn. Bhd. sedang dalam proses untuk menambah jumlah terminal tambah nilai Touch 'n Go tanpa dikenakan servis caj secara berperingkat-peringkat. Sebagai contoh bagi suku tahun pertama 2011 sahaja, sebanyak 90 buah terminal baru akan dibuka untuk tujuan tersebut, iaitu tambahan kepada 901 terminal tanpa caj yang sedia ada sekarang.**

**Sekian, terima kasih.**



**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN**

**DARIPADA**

**YB TAN SENG GIAW  
[KEPONG]**

**TARIKH**

**SELASA, 26 OKTOBER 2010**

**RUJUKAN**

**07 [PR-1233-L40186]**

**SOALAN**

**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR menyatakan keadaan pembangunan, reka bentuk, alam dan plot ratio untuk bangunan di KL. Apakah langkah-langkah yang berkesan untuk membolehkan aspek-aspek pembangunan KL secocok dengan matlamat bandaraya taman tropika antarabangsa lagi bercahaya.**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Kepong, pembangunan Kuala Lumpur dirancang secara komprehensif berpandukan Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020 (PSKL 2020) yang diwartakan pada tahun 2004.**

**PSKL 2020 merumuskan wawasan, dasar dan strategi utama bagaimana bandar raya Kuala Lumpur perlu dimajukan. Wawasan, dasar dan strategi ini seterusnya diterjemahkan ke dalam Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 (PBRKL 2020). Melalui pelan ini, dasar-dasar terperinci bagi setiap sektor pembangunan telah dirumuskan.**

Selaras dengan **matlamat untuk mewujudkan bandar raya tamsn tropika** antarabangsa lagi bercahaya, PBRKL 2020 turut **menetapkan** kegunaan tanah dan **intensiti** termasuk **nisbali** plot dan kepadatan penduduk bagi setiap plot **tanah** di Kuala Lumpur. **Penetapan** intensiti dibuat dengan **berpandukan kepada beberapa kriteria, seperti:**

- (i) **kedudukan tapak samada terletak** di pusat **bandar** raya, **pusat daerah, pusat kejiranan** atau **kawasan pembangunan** baru;
- (ii) **keupayaan infrastruktur; dan**
- (iii) **keupayaan memenuhi kehendak-kehendak teknikal seperti peratusan kawasan** *plinth*, **anjakan bangunan dan keperluan tempat letak kereta.**

Oleh itu, bagi merealisasikan **matlamat bandar raya taman tropika antarabangsa lagi bercahaya**, DBKL akan menyediakan garis panduan secara terperinci yang melibatkan aspek perancangan, bangunan dan reka bentuk dengan menetapkan ciri-ciri yang perlu diterapkan dalam pelan-pelan bangunan, projek-projek infrastruktur serta projek-projek pengindahan.

SOALAN NO. 32

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN  
OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN  
MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : DR. HIEW KING CHEU [ KOTA KINABALU ]  
TARIKH : 26 OKTOBER 2010  
SOALAN :

Dr. Hiew King Cheu [ Kota Kinabalu ] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kementerian bersetuju untuk hospital baru swasta dibina di hadapan Hospital Kerajaan iaitu QEH II di Luyang Kota Kinabalu. Jika tidak, apa sebabnya.

Tuan Yang Dipertua,



Merujuk rekod Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), pada tarikh 31 Mei 2010, pihak KKM telah mengeluarkan surat tiada halangan atas hasrat sebuah hospital swasta yang baru dibina di hadapan hospital Kerajaan iaitu QEH II iaitu di Lorong Bersatu, Off Jalan Damai, Luyang 88300 Kota Kinabalu Sabah.

Pihak pemohon juga telah dimaklumkan supaya mengemukakan permohonan yang lengkap berserta dengan dokumen-dokumen sokongan yang asal atau diperakui sah termasuk pelan yang berkaitan dan fi pemprosesan dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh surat dikeluarkan. Kegagalan pemohon mengemukakan permohonan tersebut boleh menyebabkan permohonan tersebut tidak dapat dipertimbangkan selanjutnya. Pihak KKM juga telah memberikan garis panduan mengenai Prosedur Permohonan Berkaitan Perakuan Kelulusan dan Lesen bagi Hospital Swasta yang disertakan bersama-sama surat tiada halangan tersebut. Walau bagaimanapun, sehingga 21 Oktober 2010, pihak KKM masih belum menerima permohonan tersebut dari pihak pemohon.



PEraERimPPJAH PEPTAMYAAM iPSWAP POPYAT PEP:

;YAAP : JAW^ABLIBAM

'apAiAk : pmm AUOUQ mm pyrr PEAmJAiii  
TAPliPH : :m OPTOISPP MWfSBAAAI

iMLa-

pyaon Clhcsfnsg Era® puCcit ifertejsml iminta 5iEWTEIfli PEMERAMSAW, KOliIOMII/CASi **DAM ECEBUDAYAAM** menyatakars iafsiran 'Filem Tempatan'. Adakah filem karya rakyat Malaysia yang dibuat di Malaysia tetapi dalam bahasa Cina mafnupusi Tamil, contohnya 'Ice Kacang Puppy Love' oleh Tan Kheng Seong termasuk dalam kategori ini. Jika tidak, mengapa.

JAWAPAM:

Tuan Yang di-Pertua,

Takrif 'Filem Tempatan' mengikut FI NAS yang layak menerima Sijil Perakuan Filem Tempatan (SPFT) ialah filem cereka berbahasa Malaysia yang diterbitkan di SVlaysia oleh syarikat filem yang diperbadankan di Malaysia dengan majoriti sahamnya dipegang oleh warganegara Malaysia dan mempunyai lesen yang sah dikeluarkan oleh FI NAS.

**SOALAN NO: 33**

Takrif ini sedang dikaji semula supaya mengambilkira filem-filem berbahasa Inggeris, Mandarin dan Tamil. Juga boleh diistilahkan sebagai filem tempatan asalkan ada-ada ciri-ciri tertentu seperti sarikata Bahasa Malaysia,

penceritaan atau subjek mengenai malaysia, diperbuat di malaysia dan beberapa ciri-ciri lain.

imARP1 " 'tf

PEKERSTAHUAR PERTAMYAAM BAGI JAWAB L38AR  
*DEMAMRARYAT*

PERTAMYAAM : LISAR

DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH *SM*[ SEPUTEH ]

TARS&<HI : 26 OKTOBER 2010

RUJUKAM : 3032

SOALAN:

**Puao** Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh | mints liEMTER! DALAM NEGER1 menyatakan akhbar/majalah yang ditarik permit percetakan dalam tahun 2007, 2008 dan 2009. Apakah sebab Kementerian menolak permohonan percetakan akhbar harian Malaysia Kini.



JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan soalan.

Jumlah akhbar/majalah yang telah ditarik permit percetakannya oleh Kementerian Dalam Negeri adalah 11 pada tahun 2007 dan hanya satu (1) bagi tahun-tahun 2008 dan 2009.

Di dalam mempertimbangkan sesuatu permohonan untuk menerbitkan akhbar harian, Kementerian mempunyai kriteria dan syarat-syarat yang telah ditetapkan. Mana-mana permohonan yang tidak menepati syarat atau kriteria itu akan tidak dipertimbangkan.

Mengenai Malaysia Kini, perkara tersebut telah dibawa ke mahkamah dan dengan demikian, Kementerian merasakan tidak

wajar untuk members ui&sati rnengenanya di daism dewan yang mulia  
ini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARIPADA

TUAN LIEW CHIN TONG [  
BUKIT BENDERA]

TARIKH

26 OKTOBER 2010 (ISNIN)

SOALAN:

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan usaha-usaha yang telah dibuat untuk mempromosikan kemajmukan masyarakat Malaysia dari segi pemilikan dan persaingan dalam industri radio dan televisyen. Apakah kriteria yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dalam pemberian lesen untuk operasi radio dan televisyen.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan perkhidmatan radio dan televisyen adalah tertakluk kepada keperluan Lesen Individu Pemberi Perkhidmatan Aplikasi Kandungan yang akan dikeluarkan mengikut peruntukan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM 1998). Lesen ini boleh dipohon oleh mana-mana syarikat yang telah diperbadankan di



Malaysia.

Di cihiiars kiiteria-krii<sup>itc</sup>? ^yuy .";i-,v,uuiptjifiiiiuL-a-.ykvii u<sup>i</sup><sup>m</sup>  
penilaian permohonan lesen adalah kemampuan kewangan pemohon,  
sasaran pasaran, pelan perniagaan yang uiuh dan mantap, kawasan  
nputcifi yang rnelu<sup>s</sup>, pihak pengurusan yang berpengateh<sup>ii</sup> • fen yvnig  
berwibaw.i dan jonis kanduni]p,n yanii kikciS c'is<\*disk.°ji. Kan? Susigan  
yang disediakan?, di an fara Nn, pasSi; nahaa.<sup>kan</sup> [ aadaajan k.mpatan  
dan k<sup>pelbayaLi</sup> f sfKsyarakat tem| <abn.

Dalam perkara ini, marta-mana pihak, tidak kira kaum afau sg<sup>ma</sup>, boieh  
membuat permohonan untuk lesen bagi menyediakan perkhidmatan  
seperti ini, tertakluk kepada perkara-perkara yang disebut di atas.

NO. AUM : 34

NO. AUP : U

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT  
LISAN

PERTANYAAN

TUAN LIM KIT SIANG [ IPOH TIMUR ]

DARIPADA

26 OKTOBER 2010

TARIKH

3033

~~SOALAN~~  
~~RUJUKAN~~

Tuan Lim Kit Siang [ Ipoh Timur ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah orang hilang yang dilaporkan kepada polis setiap tahun sejak 2000, nyatakan butir-butir mengikut negeri, kadar kejayaan dalam mencari orang yang hilang dan mengapa.

Tuan Yang Dipertaja

ssy:i na-aay Mtapkan teinna T-aiHs kepaT-! Ahli kang haakon^a; ipolj  
llrnur yfui'j ifianyamykakau parfeiwaaiL

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, sejumlah 35,473 kes berhubung kes kehilangan orang telah dilaporkan sejak tahun 2000. Daripada jumlah tersebut, Negeri Johor mencatatkan jumlah tertinggi iaitu 19% (6,593 orang), diikuti dengan Negeri Perak sejumlah 11% (3,999 orang) dan Negeri Selangor sejumlah 10% (3,800 orang).

Daripada jumlah tersebut, 60% atau 21,344 orang telah ditemui semula dan 40% atau 14,130 orang dilaporkan masih lagi hilang. Antara punca yang dikenalpasti menyebabkan kehilangan mereka ini ialah perselisihan faham, masalah dalaman keluarga, perhubungan yang tidak direstui, kes-kes penculikan, orang gila dan mengikut kekasih warganegara asing yang pulang ke negara asal.

**NO. AUM : 35**

**NO. AUP : /r**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARI PADA : PUAN TEO NIE CHING [ SERDANG ]**

TARIKH : 26 OKTOBER 2010

RUJUKAN : 3034

SOALAN:

Puan Teo Nie Ching [ Serdang ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan buku, komik, suratkhobar, majalah, bahan bacaan berkala dan bahan-bahan terbitan lain yang diharamkan oleh Kementerian serta sebab setiap terbitan diharamkan untuk setiap tahun dari tahun 2006 hingga 2010.

JAWAPAM:

Tuan Yang Di Pertua,

:-;aya ferima i:a-vih AhSs 'fang >rm£rit yang

r n e n g e r n ukakan r, c \* a lan.

Sejumlah 209 tajuk penerbitan telah dikenakan Perintah Larangan sejak tahun 2006 hingga tahun 2010. Di antara tajuk-tajuk penerbitan yang dikenakan Perintah Larangan adalah seperti *The Importance of Muhammad, The Jewel of Medina, Qabil St Habil, Dendam Nafsu, Kamasutra Jawa dan Kuanium Cinta, Sex Exercise* (Bahasa Tamil) dan

*Hard Magazine No. 409* (Bahasa Cina).

Dari jumlah tersebut, sejumlah 119 tajuk telah dikenakan Perintah Larangan Rerana dikhuatiri memudaratkan ketenteraman awam dan sejumlah 90 tajuk lagi kerana dikhuatiri memudaratkan kemoralan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : Y.B. DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM  
TARIKH : 26 OKTOBER 2010 (SELASA)

SOALAN:

Y.B. DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM [PERMATANG PAUH] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan butiran sumbangan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak kepada pertumbuhan ekonomi negara bagi tahun 2008, 2009, 2010 dan unjuran 2011.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2008, ekonomi negara (KDNK) telah tumbuh sebanyak 4.7%. Pertumbuhan disumbang oleh negeri-negeri di Semenanjung Malaysia yang telah berkembang sebanyak 5.0%, manakala negeri Sabah sebanyak 6.7% dan Sarawak 1.3%. Pada tahun 2009, negeri-negeri di Semenanjung Malaysia dianggar menguncup sebanyak -2.1% selaras dengan penguncupan ekonomi negara sebanyak -1.7%, disebabkan terutamanya oleh penguncupan sektor pembuatan yang berasaskan elektrik dan elektronik serta perdagangan luar negara yang lemah. Negeri Sabah pula menguncup -0.8% manakala Sarawak sebanyak -1.4%.

Bagi tahun 2010, pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka meningkat kepada pertengahan 7.0% di mana pertumbuhan Semenanjung Malaysia dijangka meningkat kepada 7.1%, manakala bagi Sabah 5.9% dan Sarawak 7.4%.

Bagi tahun 2011 pula, pertumbuhan ekonomi negara dijangka meningkat 5.0 hingga 6.0%.



NO. AUM : 39

NO. AUP :

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT  
PERTANYAAN LISAN

DARIPADA TUAN MANICKAVASAGAM A/L SUNDARAM [KAPAR]

TARIKH 26 OKTOBER 2010

RUJUKAN 3224

SOALAN:

Tuan Manickavasagam a/l Sundaram [ Kapar ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah yang menyebabkan HINDRAF diharamkan manakala PERKASA dibenarkan sebagai sebuah pertubuhan rasmi dan diberi kebenaran menerbitkan akhbar mereka sendiri.

JAWAP AM:

•"Oy& tcnivifl P-iAh kr-^idH Ahli Yang B u s n ^ i .  
yr; ii fj mhsiyo m u fcn ta; si pes A-lm ^n.

htEHDkAP adalah aebuyh peraiEAihRri yang tidak ?:uh Au\*oi veAh hergerak aecara **aktif**. Perubuhan ini telah diharamk^ti oleh **Menteri** Dalam Negeri sebagai pertubuhan yang menyalahi undang-undang mengikut Seksyen 5, Akta Pertubuhan 1966 pada 14 Oktober 2008. ini adalah berdasarkan aktivifi yang dijalankan oleh HINDRAF yang salah dari segi undang-undang yang berujuan snenudaratkan keamanan, kebajikan, keselamatan, ketenteraman awam, keferfciban dan nilai-nilai moral Negara.

Manakala Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (PERKASA) telah diluluskan pendaftarannya pada 12 September 2008 dan menjalankan aktiviti-aktivitinya selaras dengan undang-undang tubuhnya. Kebenaran untuk menerbitkan akhbarnya sendiri juga telah melalui proses tapisan dan kelulusan dari Kementerian ini.

**NO. AUM : 44**

NO. AUP :

*ffO*

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE**  
**[TENGGERA]**  
**TARIKH : 26 OKTOBER 2010**  
**RUJUKAN : 2973**

**SOALAN:**

Datuk Halimah binti Mohd Sadique [ Tenggara ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan kes pembuangan bayi yang dilaporkan bagi tahun 2010 dan nyatakan kesan serta implikasi Kerajaan memutuskan kes pembuangan bayi disiasat sebagai kes bunuh atau percubaan membunuh bagi memastikan pesalah perbuatan tidak berperikemanusiaan itu menerima hukuman berat.  
JAWAFAN

*Iuan Yang Dipertua,*

A-y;; mangu^pkan tarima iaaAi AaaAa AiA Vang 11a ipgara yang ruertgamakakan pastanyaan,,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dev^/an yang mulia ini, sejak buian Januari hingga Sepiernber 2010 terdapat 76 kes buang bayi telah dilaporkan. Sernua kes yang dilaporkan ini disiasat mengikut peruntukan undang-undang sedia ada dengan berpandukam kepada elemen-elemen jenayah yang dilakukan. Berhubung siasatan kes buang bayi sebagai kes bunuh atau percubaan membunuh, ianya bergantung kepada hasil siasatan polis.

